

**KENYATAAN MEDIA****ISU TAJAAN MARA KEPADA PELAJAR KOHORT KE-11 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN & IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN (MBBS)**

23 April 2025 | Kuala Ketil, Kedah.

Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) mengambil maklum berkenaan sebahagian pelajar program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) bagi kohort ke-11 yang memohon Program Penajaan Pengajian Tertiar (TESP) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah tidak diluluskan atau dikategorikan tidak layak.

Dimaklumkan bahawa, daripada keseluruhan 48 orang pelajar bagi program MBBS tersebut, seramai 40 orang pelajar telah memohon pembiayaan pengajian melalui pinjaman pelajaran MARA dan 30 orang daripada pelajar tersebut juga telah memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) manakala lebih 10 orang pelajar lagi tidak memohon pinjaman PTPTN.

Seramai 30 pelajar yang memohon pinjaman PTPTN telah mendapat kelulusan pinjaman dengan kadar pembiayaan sebanyak 100 peratus (7 orang), 75 peratus (5 orang) dan 50 peratus (18 orang) daripada yuran pengajian keseluruhan. Selain itu, baki 18 orang pelajar lagi telah menerima pembiayaan daripada pihak seperti MARA (4 orang), Yayasan (8 orang), Zakat (4 orang) dan tanggungan sendiri (2 orang).

Pihak pengurusan universiti telah dimaklumkan secara rasmi oleh MARA, permohonan pelajar MBBS bagi TESP MARA dikategorikan tidak layak adalah disebabkan pelajar telah menerima kelulusan permohonan pinjaman PTPTN. Hal ini merupakan kali pertama berlaku dan tidak pernah terjadi kepada pelajar MBBS sepanjang pengambilan kohort terdahulu yang menjalani proses yang sama dengan kohort ke-11 ini.

Atas keprihatinan dan rasa kebertanggungjawaban pihak pengurusan universiti, Naib Canselor telah mengambil langkah drastik dengan mengemukakan surat rayuan rasmi kepada Ketua Pengarah MARA pada 16 Januari 2025 bagi mempertimbangkan semula permohonan TESP MARA oleh 36 orang pelajar tersebut yang telah dikategorikan tidak

layak. Pengurusan universiti melalui Bursar UniSHAMS turut mengadakan kunjungan ke pejabat Timbalan Pengarah I, Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA pada 20 Januari 2025 bagi membincangkan berkenaan rayuan tersebut. Surat jawapan balas yang diterima daripada MARA pada 7 Februari 2025 telah menyatakan bahawa permohonan rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

Sebagai sokongan dan bantuan kepada pelajar untuk meneruskan pengajian, pengurusan universiti melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif pada 4 Februari 2025 telah meluluskan pelajar program MBBS yang mempunyai tunggakan yuran pengajian untuk dibenarkan menduduki peperiksaan akhir.

Seterusnya, Naib Canselor pada 9 April 2025 juga telah menghubungi Ketua Pengarah MARA bagi mengemukakan rayuan sekali lagi bagi mempertimbangkan permohonan pelajar tersebut.

Pengurusan universiti akan terus memberi komitmen dan berusaha mengemukakan rayuan kepada Pengerusi MARA bagi membantu pelajar-pelajar yang terlibat dalam memperolehi TESP MARA.

Pihak pengurusan universiti sentiasa cakna dan bersedia memudahcarakan pelajar-pelajar MBBS untuk mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, para pelajar dan ibu bapa perlu sedia maklum sebarang kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada pihak yang berkenaan.

Disediakan oleh;

**Pejabat Canselori
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)**